



**PERUTUSAN
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR
SEMPENA TAHUN BARU 2019**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على سيد المرسلين وإمام المتقين نبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين.
اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه، وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه . وبعد ،

Assalamualaikum wrt. wbt. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan segala limpah kurniaan-Nya kita diberi kudrat untuk meneruskan kesinambungan bagi melaksanakan amanah Allah SWT di maka bumi ini. Semoga gerbang tahun 2019 ini dimulakan dengan semangat dan azam yang baru serta dibuka segala pintu kebaikan oleh Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Semoga tahun 2019 ini juga, kita akan bersama-sama melakar banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan di jabatan yang kita sayangi ini.

Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga JAKESS di atas pencapaian yang membanggakan bagi tahun 2018 yang telah pun melabuhkan tirainya. Sepanjang tahun 2018, pelbagai kejayaan telah ditempa oleh JAKESS sama ada dari sudut penambahbaikan bagi sistem penyampaian dan perkhidmatan serta sistem pentadbiran yang tersusun sehingga membolehkan JAKESS menerima pelbagai anugerah dan penghargaan.

Sepanjang tempoh saya menjadi Ketua Jabatan, beberapa perkembangan berkaitan pentadbiran dan perundangan di Jabatan ini telah dilaksanakan antaranya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018 yang melibatkan pindaan seksyen 8 berkaitan Had Umur Minimum Untuk Perkahwinan serta menganjurkan dan menjayakan Seminar Kefahaman Undang-undang Syariah: Ketahui Hak Anda.

Begitu juga kejayaan dianugerahkan Anugerah 5 Bintang dalam Audit Pematuhan Pemakaian Arahan Amalan 2018 JKSM, Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (tempat pertama) bagi Anugerah Pentadbiran Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Kerajaan Negeri Selangor (APPC) 2017, mengekalkan Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan mengekalkan Pensijilan MS 9001: 2014 dalam auditan oleh SIRIM QAS. Selain itu, pencapaian 90% bagi Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan, kejayaan AKRAB JAKESS memenangi Anugerah Akrab Dinamik dan Anugerah 5 Bintang Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi 2018.

JAKESS juga memenangi anugerah inovasi melalui Kumpulan KIK D-Blast yang memenangi Anugerah Emas 5 Bintang dan Top 20 Projek Inovasi Terbaik dalam pertandingan National Team Excellence Convention serta kejayaan Kumpulan KIK Perintis memenangi Tempat Ketiga dalam Anugerah Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga JAKESS di atas usaha dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang Tahun 2018 ini dan saya mengharapkan kita dapat mengekalkan kecemerlangan yang diperolehi dan memprolehi anugerah dan pencapaian lain di tahun 2019 kelak.

Setelah pelbagai usaha dan pencapaian telah dapat dilaksanakan di JAKESS, saya yakin bahawa JAKESS mampu menjadi sebuah institusi kehakiman syariah yang berwibawa dan adil selari dengan visi dan misi yang dibawa. Begitu juga dengan adanya sokongan jitu dan kerjasama daripada semua pihak tidak mengira kedudukan jawatan kakitangan yang mana masing-masing menyumbang usaha dalam bidang kerja masing-masing. Tanpa adanya sokongan dan kerjasama warga kerja JAKESS, adalah mustahil untuk JAKESS menggapai dan mengekalkan kejayaan sepertimana yang telah dicapai JAKESS pada hari ini.

Saya juga amat berbangga kerana JAKESS telah berjaya membentuk dan merangka halatuju jabatan melalui Pelan Strategi Jabatan 2015-2020 yang mana misinya adalah untuk menjadikan JAKESS sebagai Institusi Kehakiman Syariah Yang Terunggul di Malaysia dan juga berdasarkan beberapa pelan jabatan yang lain yang telah dirangka bagi memastikan hala tuju JAKESS dapat berjalan dengan baik dan cemerlang.

Usaha JAKESS ini selari dengan tuntutan Islam yang menyarankan umatnya agar sentiasa bersedia menghadapi ujian dan penilaian. Allah sangat menyukai hambanya yang bersedia dan berusaha kerana pada usaha tersebut pastinya ada ganjaran yang akan Allah akan berikan sepertimana di dalam Al Quran, Surah Al-Ankabut ayat 69 yang berbunyi :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

69. Dan orang-orang yang berjihad (berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami), sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Bagi mencapai misi untuk menjadikan JAKESS sebagai Institusi Kehakiman Syariah Yang Terunggul di Malaysia pada tahun 2020, fokus utama JAKESS bagi Tahun 2019 adalah penyelesaian kes-kes mengikut KPI dan SKT yang telah ditetapkan. Pada tahun 2019 ini, besar harapan saya kepada semua Hakim Syarie dan kepada semua pegawai dan kakitangan lain agar dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih cemerlang lagi, bagi memastikan KPI dan SKT jabatan tersebut dapat dicapai.

Di kesempatan ini saya mengingatkan kepada diri saya dan semua kakitangan agar sentiasa mempamerkan perwatakan dan sikap yang baik apabila berurusan dengan pelanggan. Kita sedia maklum bahawa kita adalah institusi Islam yang sentiasa berurusan dengan pelanggan yang terdiri daripada orang awam, peguam-peguam serta institusi-institusi kerajaan yang lain. Maka, amatlah penting kita menjaga nilai integriti dan akhlak selaras dengan kehendak Islam.

Akhir kalam daripada saya, terima kasih sekali lagi kepada semua di atas segala usaha dan tenaga yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2018. Semoga jabatan yang kita sayangi ini akan terus bergerak maju dan menjadi institusi kehakiman syariah yang berwibawa berteraskan keadilan. Semoga Allah swt mengeratkan lagi silaturahmi dan kasih sayang antara kita dan semoga Allah swt akan sentiasa memberikan rahmat dan kasih sayang yang berpanjangan. Inshaa Allah.

YAA TUAN MUHAMMAD ADIB BIN HUSAIN
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKESS)
01 JANUARI 2019